

15/08/2001

Meritokrasi bukan balas dendam: Abdullah

Kadir Dikoh

BANGI, Selasa - Dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dilaksanakan bukan untuk membalas dendam terhadap pelajar yang menentang kerajaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Itu tidak benar. Dalam perbincangan yang saya turut terbabit, ia diasaskan bukan kerana mahu membalas dendam berikutan tindakan pelajar menentang kerajaan," katanya.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bahawa dasar meritokrasi dilaksanakan semata-mata untuk kebaikan pelajar itu sendiri.

"Dalam taklimat Kementerian Pendidikan pada masa itu (ketika perbincangan untuk melaksanakan dasar meritokrasi) menunjukkan perangkaan mengenai kedudukan pelajar kita dalam bidang pendidikan, amat tidak memuaskan.

"Perdana Menteri sendiri tidak puas hati. Oleh itu, dicadangkan langkah yang boleh meningkatkan lagi prestasi pelajar Melayu menerusi meritokrasi," katanya selepas merasmikan Konvensyen Pelajar Melayu anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Abdul Halim Ismail semalam yang merayu kerajaan menimbang semula keputusan melaksanakan dasar meritokrasi.

Abdul Halim berkata, Abim akan membantah sekiranya dasar itu dilaksanakan atas dasar emosi dan marah kerana mahu mengajar pelajar Melayu yang tidak berterima kasih dan menentang kerajaan.

Khamis lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dasar meritokrasi akan dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata, dasar itu akan dilaksanakan mengikut jurusan dan keperluan seawal-awalnya tahun depan, supaya pelajar dapat memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan cemerlang.

Abdullah bagaimanapun berkata, butir lanjut mengenai pelaksanaan dasar meritokrasi itu sedang dirangka Kementerian Pendidikan sebagai persediaan sebelum dipraktikkan.

Ditanya apakah langkah yang akan diambil kerajaan jika pelajar Bumiputera tidak dapat memenuhi kuota ke IPTA, beliau berkata, orang ramai tidak seharusnya membuat andaian.

Sebaliknya, kata beliau, mungkin berdasarkan meritokrasi, jumlah kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA akan menjadi lebih tinggi kerana mereka masih berupaya mencapai prestasi cemerlang jika belajar bersungguh-sungguh.

"Kita tidak boleh buat andaian...oleh kerana kita nak tingkatkan kelulusan untuk masuk universiti, maka akan berkuranganlah pelajar Melayu. Ini adalah satu andaian yang salah.

"Mungkin kerana mereka sudah memahami, mereka perlu berusaha lebih lagi kerana tahap kelulusan yang diperlukan lebih tinggi. Akhirnya kita dapat melihat lebih ramai (masuk IPTA) daripada yang kita harapkan," katanya.

Abdullah berharap orang ramai tidak memandang negatif dasar meritokrasi, tetapi melihatnya secara rasional dan positif.

"Kita perlu melihat kepada hasil yang positif yang boleh diperoleh daripada tindakan yang akan diambil," katanya.

Mengenai kekurangan prasarana pendidikan di luar bandar berbanding di

bandar yang menyebabkan pelajar Bumiputera ketinggalan hingga boleh berlaku ketidakadilan dalam pelaksanaan dasar meritokrasi, beliau berkata kerajaan akan berusaha memperbaiki keadaan itu.

"Kita akan terus meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran di luar bandar. Kalau kita ambil kira kedudukan kawasan luar bandar hari ini dari segi kemudahan pendidikan yang disediakan, ia sudah jauh berbeza berbanding dulu.

"Tetapi usaha untuk memperbanyakkan dan meningkatkan mutu pendidikan pengajaran dan pembelajaran itu, mesti dijayakan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata syarat ketat kemasukan ke IPTA melalui dasar meritokrasi akan mendorong pelajar untuk lebih bekerja keras.

Katanya, orang Melayu bukan bodoh tetapi jika rajin belajar dan bersungguh-sungguh menimba ilmu pengetahuan, mereka boleh mencapai kecemerlangan.

(END)